

## Kata dikota, janji dilaksana

Utusan Malaysia – 16 November 2006

*Ucapan Dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 pada 15 November 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.*

SAYA berdiri di Perhimpunan Agung UMNO ini untuk menyampaikan ucapan dasar Presiden buat kali ketiga. Pada 31 Oktober lalu, genaplah tiga tahun saya memenuhi tanggungjawab Perdana Menteri. Tiga tahun yang lalu, saya telah menggariskan dua belas gagasan yang akan saya jadikan landasan dalam usaha membina masa depan negara dan warga mencapai tahap kejayaan lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang. Gagasan tersebut telah saya huraikan ketika menyampaikan ucapan utama yang ulung atas nama Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 3 November 2003.

Ketika menyampaikan ucapan ulung di Parlimen, saya turut memberikan komitmen untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, menjadikan Malaysia mencapai taraf negara maju.

Dua belas gagasan tersebut telah dijadikan kompas panduan ketika parti merangka manifesto pilihan raya. Barisan Nasional (BN) mencatat kejayaan gemilang dalam pilihan raya umum yang lalu. Kejayaan gemilang BN haruslah kita tafsirkan sebagai endorsement rakyat akan gagasan yang telah dijadikan landasan untuk membawa negara mencapai kejayaan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dua belas gagasan tersebut turut dijadikan landasan Bajet Negara pada tahun-tahun 2004, 2005 dan 2006, demikian juga dalam merangka Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Setelah tiga tahun diberikan amanah memenuhi tanggungjawab ini, adalah bertepatan untuk saya mengimbas kembali antara pengharapan dan pencapaian; dengan hasrat untuk kita secara jujur – secara ikhlas; secara konstruktif – secara objektif, meneliti dan menghalusi akan status pencapaian kita, supaya kita tidak kehilangan pedoman, agar kita tidak tersilap haluan.

**GAGASAN PERTAMA:** Akan pentingnya kepimpinan politik berperanan sebagai penggerak dan peneraju kepada kepimpinan-kepimpinan lain. Betapa pentingnya kepimpinan politik memperlihatkan sebaik contoh untuk dapat dihormati dengan memperlihatkan sifat-sifat kejujuran, kerajinan, ketekunan dan kesungguhan. Bahawa kepimpinan yang dihormati akan dapat menjadi kepimpinan yang berkesan, kepimpinan yang menjadi contoh teladan. Dalam memenuhi landasan pertama ini, saya telah menyeru dan memohon untuk setiap warga bekerja bersama saya dan bukannya bekerja untuk saya. Saya juga amat insaf bahawa

saya juga bertaraf hamba di sisi Tuhan yang maha agung. Selaras dengan ajaran yang diunjurkan oleh Islam, saya meletakkan harapan agar kepemimpinan politik melihat pekerjaan sebagai amal, dilaksanakan secara bersama, dalam semangat berjemaah, atas nama dan kerana Allah s.w.t.

Saya memilih pendekatan secara seruan, bertujuan menyemaikan benih keinsafan, hingga benih keinsafan itu merimbunkan pohon penghayatan, lalu bertunjang kekuatan dalaman, menjadi prinsip pegangan warga, bermula dari kalangan pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Pendekatan membina kekuatan rohani, penghayatan kepada amal makruf, keinsafan kepada kekuasaan Ilahi, adalah pendekatan yang diperkenalkan oleh kepemimpinan Rasulullah s.a.w. hingga para sahabat, barisan pemimpin dan umat Islam ketika itu begitu kuat – begitu teguh iman, berjaya melaksanakan tugas dalam semangat amal makruf nahi mungkar.

Itulah bentuk pimpinan politik yang harus dibina, itulah corak budaya politik yang harus menjadi pedoman, itulah pimpinan dan budaya politik yang harus menjadi matlamat untuk membolehkan kita terus membina kekuatan - untuk UMNO terus mendapat kepercayaan, untuk kita dan UMNO terus dilimpahkan perlindungan dan rahmat Ilahi. Usaha membina kekuatan rohani, sukar diukur secara zahir, usaha ini memakan masa yang panjang, tetapi apabila berjaya dibina, ia akan kekal bersemadi, semakin hari semakin kukuh, merupakan tenaga kekuatan yang berkekalan dan memberikan impak positif jangka panjang. Kita perlu yakin bahawa hasrat murni ini mendapat rahmat untuk membawa kita meniti kejayaan yang mendapat keredhaan Ilahi. Yakinlah, Allah s.w.t. akan memperlihatkan keadilan dan kekuasaannya dengan menaikkan mereka yang mengamalkan makruf dan menjatuhkan mereka yang melakukan mungkar.

**GAGASAN KEDUA:** Disuburkan sistem demokrasi melalui tanggungjawab secara kolektif dengan peringatan bahawa demokrasi tidak bererti kebebasan mutlak yang membolehkan kebebasan untuk menyentuh sensitiviti agama, kaum, budaya dan bahasa. Parlimen adalah lambang amalan demokrasi. Dewan Parlimen menjadi pilihan saya melafazkan ucapan utama atas nama Perdana Menteri, menandakan penghormatan saya kepada institusi tertinggi dalam sistem kerajaan berteraskan demokrasi. Demokrasi mengutamakan amalan perundingan – budaya perbincangan. Oleh itu saya menghormati suara wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat dengan memberikan peluang kepada mereka berhujah dan berdebat. Wakil-wakil rakyat diberikan peluang menilai prestasi kerajaan; cabang eksekutif kerajaan kini ditegur dan dikritik secara terbuka bukan sahaja oleh anggota pembangkang tetapi dari kalangan back-bencher kerajaan, dari kalangan ahli-ahli UMNO dan dari kalangan rakyat jelata.

Amalan perundingan dan budaya perbincangan, dilaksanakan di dalam parti dan di dalam kerajaan. Di dalam parti ia diamalkan dalam Majlis Tertinggi, dalam Biro Politik, dalam Jawatankuasa Pengurusan, dalam pelbagai biro dan jawatankuasa yang dibentuk oleh parti. Di dalam kerajaan ia diamalkan di kalangan anggota jemaah menteri dan di kalangan kakitangan awam.

Saya berpegang bahawa negara yang bercakap kepada bangsanya harus mempunyai saluran membolehkan kebimbangan rakyat dapat diluahkan. Kritikan konstruktif digalakkan. Percanggahan pendapat dilihat secara objektif dan tidak semestinya dianggap sebagai tentangan terhadap kerajaan. Media dilihat sebagai rakan dalam usaha membina masyarakat demokratik yang bertanggungjawab. Kerana itu media bersifat lebih terbuka menyiarkan berita yang memaparkan kesilapan kerajaan, agensi kerajaan, jabatan kerajaan. Pemimpin kerajaan, pemimpin UMNO, wakil-wakil rakyat BN tidak terlepas dari penilaian media secara kritikal. Pihak media semakin berani menyiarkan berita yang memperlihatkan kelemahan kerajaan dan kesilapan anggota pentadbiran. Ada di kalangan anggota kerajaan dan anggota parti yang berasa resah. Ada yang menganggap Perdana Menteri telah hilang kawalan.

Sebenarnya, saya lebih bersedia melihat perbalahan hangat meletus di muka akhbar daripada rusuhan membara di muka bumi. Saya berusaha untuk membawa masyarakat Malaysia menerima realiti dunia di era teknologi maklumat, di era yang menuntut kepada keterbukaan berita. Saya sedar bahawa ketika saya mengambil amanah kepimpinan negara, negara telah sama-sama mengharungi gelombang globalisasi dengan ledakan maklumat. Apalah ertinya segala prasarana membangunkan teknologi maklumat, jika pemimpin merasa gentar untuk mengamalkan budaya yang lebih terbuka dan mesra kepada media.

Kerajaan mempunyai pandangan positif terhadap media dan mengharapkan pihak media memperlihatkan kematangan dan kedewasaan, berupaya mengimbangkan peranan dan tidak terperangkap dengan isu sensasi yang boleh menjejaskan hubungan harmoni antara warga, demikian juga dengan isu yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara. Pengurusan akhbar yang matang dan bijaksana akan dapat mencapai titik perimbangan yang dapat membina amalan media yang sihat, memahami masalah yang dihadapi rakyat dan prihatin terhadap masalah yang perlu ditangani oleh negara. Media yang bertanggungjawab akan secara bersama menghayati wawasan negara dan membantu membina kematangan proses demokrasi. Pengamal media perlu sama-sama mengamalkan sikap akauntabiliti yang tinggi terhadap matlamat pembangunan negara dan perpaduan warga.

Namun demikian kebebasan tidak boleh melepaskan diri sesiapa dari tanggungjawab. Kebebasan perlu mengenali batas dan sempadan. Kebebasan perlu diadun dalam acuan sebuah negara muda yang warganya terdiri dari pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Perpaduan dan keharmonian antara warga yang pelbagai itu sama sekali tidak boleh dikompromikan. Faktor keselamatan negara dan ketenteraman awam tetap memerlukan pengawasan tegas. Saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan kebebasan yang diberikan.

Saya akan memenuhi jaminan, menggalakkan persekitaran lebih terbuka, selaras dengan amalan demokrasi yang sihat. Sesungguhnya sifat terbuka ini

adalah sebahagian dari keperluan untuk merealisasikan impian mencapai taraf negara maju. Salah satu dari sembilan teras Wawasan 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat demokratik yang lebih matang. Kita telah memberi pengakuan untuk bekerja ke arah membina masyarakat yang lebih matang, lebih liberal dan lebih toleran. Jika kita serius untuk membangunkan masyarakat demokratik yang lebih matang, kita hendaklah menyusuli proses transformasi ini dengan cara bersungguh. Namun demikian, demokrasi lebih matang yang kita impikan perlulah berakar dalam persekitaran politik dan persekitaran budaya kita. Ia perlu memenuhi dan mencerminkan keperluan spesifik kita. Wawasan 2020 menggariskan bahawa demokrasi yang kita impikan hendaklah berbentuk permuafatan berorientasikan komuniti.

**GAGASAN KETIGA:** Membangunkan modal insan; melalui program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperengkapkan warga Malaysia bagi menghadapi dunia global; disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan warga berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat.

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal (Ali Imran, ayat 190). Ayat ini memperingatkan manusia betapa pentingnya akal. Justeru akal manusia perlu dibangunkan. Program pembangunan akal manusia adalah usaha untuk membangunkan masyarakat 'ulul al-bab', merupakan barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi. Ayat ini menuntut umat untuk memperengkapkan minda, agar manusia memiliki keupayaan menghadapi dunia moden. Membangunkan masyarakat ulul al-bab terdiri daripada saintis dan teknologis, usahawan dan teknokrat adalah satu kewajipan untuk membolehkan ummah mendaki tangga kemajuan hingga sampai ke puncak kejayaan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan prasarana dan membekalkan kemudahan untuk melahirkan masyarakat ulul al-bab.

Justeru, melipatgandakan usaha untuk membangunkan modal insan diberikan keutamaan sebaik sahaja kerajaan dibentuk selepas pilihan raya 2004. Sebuah kementerian baru, Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan demi memastikan program pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Peningkatan mutu modal insan dijadikan teras kedua Misi Nasional. Dalam RMK-9, peruntukan terbesar bernilai RM45.1 bilion disediakan untuk melaksanakan program pembangunan modal insan.

Adalah satu hakikat bahawa perbelanjaan pendidikan senantiasa diutamakan oleh kerajaan. Adalah juga satu hakikat bahawa apa yang dilaksanakan, merupakan penerusan tradisi melabur untuk masa hadapan. Hari ini kita berada di dunia berbeza. Kita wajib mengkaji semula kurikulum kebangsaan supaya kita mempunyai kurikulum yang boleh menghasilkan insan celik minda, inquisitive,

ingin bertanya, gemar menyelidik, menguasai lebih dari satu bahasa. Minda insan perlu dibangunkan dari peringkat prasekolah, dengan matlamat melahirkan pelajar cemerlang yang serba boleh serta memiliki kemahiran dan kelengkapan untuk bersaing di dunia global. Asas ini perlu dibina dari peringkat prasekolah kerana segala-galanya agak terlambat apabila mereka telah sampai ke alam universiti. Kurikulum hendaklah diolah selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa. Saya mahukan sekolah kebangsaan berupaya memperagakan kurikulum baru di bawah bimbingan guru-guru yang dilatih semula.

Dasar jangka panjang terbaik untuk meningkatkan daya saing kita ialah melalui sistem pendidikan yang moden lagi dinamik. Langkah ke hadapan bukanlah lagi melalui penawaran kos buruh yang rendah tetapi Malaysia harus beridentitikan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Oleh itu kita perlu terus menekankan aspek kecemerlangan. Sungguhpun kita tidak mahu mana-mana kaum ketinggalan dari segi pencapaian pendidikan, kita hendaklah menggalakkan meritokrasi yang akan kita uruskan secara bijaksana. Kita mahu memastikan yang terbaik dan yang paling memerlukan di kalangan bumiputera diberi bantuan. Oleh itu, kita tidak perlu menimbulkan keresahan dengan beranggapan bumiputera akan lenyap dengan amalan meritokrasi, bahkan kita perlu menjadikan misi, supaya di suatu hari yang tidak begitu jauh, pencapaian akademik bangsa terserlah dengan cemerlang.

Setelah hampir 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, betapa Kelantan dan Terengganu, dua buah negeri yang majoriti penduduknya orang Melayu; dua buah negeri yang telah membekalkan negara dengan cerdik pandai Melayu, masih tidak mempunyai universiti di buminya. Dengan penuh kesedaran, kerajaan telah menubuhkan Universiti Darul Iman di Terengganu dan Universiti Malaysia Kelantan.

Langkah agresif untuk meratakan padang permainan akan dilaksanakan segera. Kerajaan akan membina 9,000 kelas tambahan di peringkat rendah dan 6,000 di peringkat menengah untuk sekolah di luar bandar. Sebanyak 281 asrama baru akan dibina sementara 170 lagi akan dinaikkan taraf. Di bawah inisiatif penyediaan prasarana, 900 sekolah luar bandar akan dibekalkan elektrik dan 300 dibekalkan air bersih menjelang tahun 2010. Sebanyak 5,000 kelas pemulihan akan disediakan untuk membantu murid-murid yang lemah. Sekolah-sekolah luar bandar juga akan dibekalkan dengan 17,500 komputer dengan perisian baru.

**GAGASAN KEEMPAT:** Menjamin pertumbuhan ekonomi dengan menerokai sumber baru, memastikan berlakunya kesaksamaan dalam pembahagian, memberi fokus kepada pembangunan luar bandar, dan memodenkan sektor pertanian. Gagasan ini diolah dalam teras pertama Misi Nasional untuk memberikan tumpuan kepada usaha menambah nilai ekonomi negara dan dalam teras ketiga untuk menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Landasan tersebut direalisasikan melalui pembangunan

koridor utama di utara, di timur, di selatan Semenanjung, juga di Sabah dan Sarawak.

Kita harus pantas memanfaatkan peluang yang dibawa oleh pembangunan koridor-koridor tersebut yang bakal membawa pembangunan ke setiap pelosok negara serta melimpahkan peluang-peluang baru ekonomi terutamanya di kalangan bumiputera. Pembangunan sektor pertanian kepada tahap nilai tambah yang lebih tinggi akan memberi kelebihan persaingan kepada negara. Langkah membangunkan sektor pertanian dan industri asas tani, bukan langkah ke belakang. Malah kekuatan sektor pertanian yang bernilai tambah tinggi adalah asas kepada kekuatan ekonomi negara maju. Pembangunan sektor pertanian yang lebih mantap juga secara langsung membantu pencapaian objektif sosioekonomi negara untuk mengimbangkan pendapatan warga. Bahawa sektor pertanian tertumpu di kawasan luar bandar, kawasan yang majoriti penghuninya adalah bumiputera. Pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani berupaya menambah pendapatan serta meningkatkan mutu kehidupan petani, penternak dan nelayan. Usaha ini seharusnya mendapat sokongan padu UMNO yang berakar umbi di luar bandar.

Ketika ini ada kekeliruan di kalangan warga kerana angka-angka ekonomi tidak kelihatan diterjemahkan dalam bentuk kegiatan perniagaan. Saya sedar akan sentimen lembap meskipun pertumbuhan adalah menggalakkan dan petunjuk-petunjuk lain juga adalah positif. Perlu dijelaskan, bahawa apa yang sedang dirancang, bukan sekadar untuk mengurus ekonomi secara biasa. Malaysia tidak akan kekal kompetitif dalam jangka panjang jika terus mengurus ekonomi sedia ada dengan cara yang sama. Kejayaan yang dicapai sepanjang dua puluh tahun lalu berlaku dalam senario negara-negara China dan India masih belum bangkit dan Vietnam juga belum membuka pasarannya. Hari ini persaingan menjadi lebih sengit. Kita tidak boleh lagi menawarkan Malaysia sebagai tapak kilang dunia berasaskan kos buruh yang rendah. Berulang kali saya tegaskan akan pentingnya kita meningkatkan rantai nilai, dengan merubah model ekonomi kita. Dengan itu industri pembuatan perlu ditambah nilai, ditingkatkan teknologi, dihebatkan daya saing dengan kesedaran bahawa dasar memberi perlindungan tidak boleh diamalkan selama-lamanya.

Kekayaan negara di masa lalu, dihasilkan dari pelaburan langsung asing (FDI), kontrak kerajaan dan penswastan yang bukannya bersumberkan inovasi dan kreativiti. Era tersebut telah berlalu. Hari ini FDI menjadi rebutan lebih banyak negara. Aset kerajaan yang boleh diswastakan, juga semakin kurang, berbanding dua puluh tahun lalu. Oleh sebab itu kita wajib melebarkan asas ekonomi. Kita tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada sektor pembuatan atau pembinaan. Kita perlu juga melihat sektor-sektor yang masih berupaya menghasilkan kekayaan bagi ramai warga Malaysia, terutama mereka di kawasan luar bandar seperti pertanian. Kita juga perlu melihat kepada industri bernilai tinggi seperti perkhidmatan kewangan. Dan kita perlu melihat kepada

masa hadapan dengan mewujudkan industri dalam ekonomi baru seperti ICT dan bioteknologi.

Kita perlu lakukan transformasi ekonomi. Transformasi ini tidak akan memperlihatkan hasil dalam tempoh yang singkat; ini memerlukan usaha memahami rakyat yang mahu melihat hasil secara segera. Ada rungutan bahawa FDI tidak lagi mengalir ke negara ini. Ada juga rungutan bahawa pasaran saham tidak cergas. Benar, FDI yang mengalir ke negara kita tidak seperti FDI yang mengalir ke ekonomi serantau yang lain. Ini disebabkan kita tidak begitu terbuka kepada penggabungan dan pengambilalihan. Ada di antara jiran kita, mencatat angka FDI memberangsangkan kerana mereka membenarkan syarikat mereka diambil alih oleh pelabur asing. Dari sudut ekonomi, tiada salahnya perkara ini kerana dalam pasaran yang efisien, modal akan mengejar aset bernilai terbaik. Tetapi di Malaysia, kita menetapkan beberapa dasar. Atas kepentingan nasional, penggabungan dan pengambilalihan diizinkan secara selektif. Atas kepentingan nasional, penguasaan aset strategik perlu dikekalkan. Kita boleh meningkatkan angka FDI berlipat ganda hanya dengan secret pena, menurunkan tandatangan persetujuan; akibatnya! Kita akan kehilangan sebahagian kawalan. Jika ini dilakukan, saudara saudari akan menjadi barisan pertama yang akan mengecam saya. Selagi Allah s.w.t. memberikan saya petunjuk dan kekuatan, saya berjanji untuk sama sekali tidak akan membawa bangsa menerima nasib Pak Kaduk, 'menang sorak, kampung tergadai'.

Demikian juga dengan pasaran saham. Jika kita mahu segera merangsang pasaran saham, saya boleh dapatkan persetujuan jemaah menteri untuk melakukan penyenaian Petronas dan Felda. Petronas secara bersendirian, dapat menambah RM400 bilion kepada modal pasaran saham Malaysia dan secara segera (instant), meletakkan kita terus menjadi antara pasaran saham terbesar di Asia; tetapi kita sama sekali tidak harus menggadaikan kepentingan strategik negara dan bangsa semata-mata untuk melihat kejayaan segera. Usaha menarik pelaburan dan usaha merencanakan pasaran saham secara mapan, tidak boleh mengikut cara memasak 'mi segera'.

Sebaliknya kita akan memberi tumpuan kepada transformasi ekonomi secara lebih bermakna lagi berkekalan berbanding dengan pendirian sesetengah pihak yang mahu dilakukan pencapaian segera. Langkah pertama yang saya ambil adalah untuk mengurangkan defisit. Dalam jangka panjang, kerajaan tidak mampu menanggung bajet berdefisit besar; iaitu, berbelanja lebih dari pendapatan. Benar! Petronas ada wang, tetapi kita wajib mengamalkan disiplin, membezakan antara wang milik Petronas, dan wang milik kerajaan. Jika kita mula menyeluk saku, sesuka hati di mana sahaja, hingga menyeluk saku orang lain, kita sebenarnya melakukan perbuatan melanggar amanah, kita telah menyalah urus dana. Kita akan dianggap melaksanakan pentadbiran tanpa berpegang kepada prinsip akauntabiliti yang telus.

Kerajaan ada wang. Namun pada hemat saya, dalam semangat berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak. Generasi kita hendaklah bersedia melakukan sedikit pengorbanan demi manfaat generasi masa hadapan. Sepanjang tiga tahun lalu, saya telah berusaha mengurangkan defisit supaya kita mempunyai cukup sumber untuk berbelanja apabila RMK-9 dilancarkan. Alhamdulillah dengan berbelanja secara berhemah kita berjaya mengurangkan defisit. Dalam tempoh tiga tahun ke belakang ini, kita berjaya mengurangkan defisit dari 5.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2003 kepada 3.5 peratus KDNK pada tahun 2006. Kini kita berada dalam kedudukan lebih baik untuk berbelanja.

Pada masa yang sama, kita turut berhadapan dengan faktor-faktor di luar kawalan kita. Harga minyak global yang lebih tinggi merupakan antara faktor yang menyebabkan inflasi. Harga barang menyusur naik. Kerajaan masih memberikan subsidi tetapi apabila sampai ke tahap kritikal, kerajaan terpaksa mengambil keputusan mengurangkannya. Keputusan sukar ini dilakukan untuk memastikan bajet pembangunan, iaitu, wang untuk membina sekolah, hospital, jalan raya, bekalan elektrik dan air untuk rakyat jelata, tidak habis digunakan untuk subsidi. Kerajaan perlu memandang ke hadapan, menangani masalah harga minyak dan gas yang sering tidak menentu. Untuk itu kerajaan secara serius telah memulakan penyelidikan bagi menghasilkan sumber tenaga alternatif seperti biofuel dalam rancangan mengurangkan pergantungan kepada bahan bakar tersebut.

Dengan kesungguhan azam, saya yakin kita akan bangun lebih kuat selepas tempoh transformasi ini. Saya berhasrat melihat pertumbuhan tidak hanya tertumpu di pusat-pusat bandar tetapi tersebar ke kawasan lebih luas. Kita tidak mungkin dapat mengindustrikan segenap pelosok tanah air. Kerana itu kita juga perlu berusaha meningkatkan nilai, dengan memodenkan sektor pertanian, dan menggerakkan pembangunan industri asas tani yang boleh dibangunkan oleh petani secara bersendirian, secara berkongsi atau secara koperasi. Kejayaan petani sebenarnya membantu usaha menyebarkan kekayaan ke kawasan luar bandar. Saya ingin melihat petani juga dapat menikmati erti kekayaan dan erti kemewahan. Saya berhasrat melihat dompet petani bumiputera dan tas tangan isteri mereka dipenuhi wang, untuk mereka dapat melancong dan berbelanja di kota dan di bandar raya.

Saya mahu kita meneroka pengkhususan dalam bidang perkhidmatan tertentu seperti kewangan Islam dan industri halal. Alhamdulillah, Malaysia kini telah berjaya mencapai perkembangan pesat dalam perkhidmatan kewangan Islam sehingga diiktiraf sebagai sebuah pusat utama di dunia. Kini Malaysia adalah penerbit bon Islam terbesar di pasaran modal dunia, bernilai AS\$30 bilion. Pasaran global Industri Halal pula melebihi RM7 trilion setahun. Potensi Industri Halal akan diterokai sepenuhnya. Membangunkan industri ini adalah satu tuntutan fardu kifayah.

Saya impikan sebuah negara berminda terbuka; Malaysia dikenali di dunia sebagai pusat perdagangan, pusat kewangan, pusat pembangunan pendidikan, pusat pembangunan tamadun yang berjaya menggabungkan pelbagai budaya secara harmoni. Negara yang menjadi pilihan pelancong dari serata dunia. Impian ini insya-Allah menjadi nyata dengan kesediaan kita membina masyarakat yang mengutamakan produktiviti, kreativiti dan inovasi serta meningkat dan menitikberatkan kegiatan R&D. Buat pertama kali selepas beberapa tahun, kita telah meningkatkan perbelanjaan R&D untuk membangunkan industri masa hadapan.

Dalam menikmati kesan limpahan dari perbelanjaan pembangunan sepanjang tahun hadapan, kita akan meneruskan usaha mengubah asas ekonomi dengan memberi fokus kepada pembangunan modal insan demi menjamin kita kekal kompetitif di masa hadapan. Kita boleh terus dengan kaedah lama berbelanja dan menggerakkan ekonomi, atau memperkenalkan kaedah baru, bahawa dalam berbelanja, kita turut mengolah semula ekonomi dan melatih warga kita menjadi lebih kompetitif dan inovatif. Kita berpendapat bahawa kaedah baru ini lebih meyakinkan. Pertumbuhan ekonomi masa hadapan tidak hanya bersumberkan perbelanjaan kerajaan, tetapi bersumberkan inovasi dan kreativiti. Kesan transformasi sedemikianlah yang ingin saya wujudkan.

**GAGASAN KELIMA:** Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan Masyarakat Sains dan Teknologi Bumiputera ke tahap yang dapat mengimbangkan kesaksamaan pembahagian.

Ketika membahaskan Ucapan Dasar Presiden pada perhimpunan tahun lalu, para perwakilan mendesak supaya dihidupkan kembali dan diperkukuhkan semangat Dasar Ekonomi Baru sebagai teras pembangunan negara di bawah Agenda Nasional Baru. Perwakilan mendesak supaya dasar tindakan afirmatif berlandaskan keadilan sosial dan sasaran kuantitatif, diwujudkan kembali apabila kerajaan merangka RMK-9. Perwakilan turut menekankan pentingnya dasar dilaksanakan secara cekap, di samping memastikan wujud jentera pelaksanaan yang lebih telus dan lebih berkesan, dipantau lebih rapi dengan sistem penilaian impak yang terperinci lagi menyeluruh. Hasrat perwakilan adalah seiring dengan pendirian yang telah saya suarakan di Parlimen ketika menyampaikan ucapan ulung sebagai Perdana Menteri.

Untuk itu teras ketiga Misi Nasional memberi tumpuan menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Bahawa kerajaan mendukung matlamat membasmi kemiskinan, menjana pembangunan lebih seimbang, serta memastikan manfaat pembangunan dinikmati rakyat secara adil lagi saksama. Matlamat kita haruslah jelas, bahawa apabila fajar menyingsing pada tahun 2020, warga di negara Malaysia yang maju, tidak boleh lagi diidentifikasikan dengan kemiskinan dan kemunduran. Kita tidak akan mewariskan kemiskinan dan kemunduran kepada masyarakat yang akan datang.

Matlamat membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera generasi baru akan melibatkan peranan aktif sektor swasta. Tumpuannya ialah untuk membangunkan usahawan bumiputera yang berdikari, mapan dan berdaya saing. Ia juga bertujuan mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera yang kukuh. Selaras dengan strategi untuk meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera dari segi perusahaan, pendekatan baru telah diperkenalkan melalui konsep cluster. Matlamat akhir kewujudan cluster adalah untuk memantapkan penglibatan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi negara, meminimumkan kebocoran dan membina kekuatan bumiputera menghadapi saingan global.

Nyatalah! 20 tahun yang ditetapkan untuk memenuhi matlamat DEB adalah tempoh masa yang terlalu suntuk, tempoh masa yang tidak realistik untuk membolehkan sasaran menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan dapat dicapai sepenuhnya. Apatah lagi apabila usaha ke arah pencapaiannya terpaksa dipikul oleh kerajaan sedangkan penglibatan pihak swasta lebih berbentuk kosmetik. Jurang pencapaian menjadi lebih ketara apabila berlaku pula ketirisan dalam proses pelaksanaan.

Pada hakikatnya, berlaku peningkatan pencapaian bumiputera di antara tahun 1970 dengan tahun 2005. Namun kajian yang merumuskan bahawa 45 peratus saham dalam syarikat-syarikat adalah milik bumiputera, adalah tidak betul sama sekali. Mempertikaikan pula kaedah pengiraan yang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, samalah dengan mengatakan bahawa kerajaan telah berbohong. Saya perlu tegaskan bahawa kaedah yang digunakan oleh kerajaan adalah komprehensif, kaedah yang telah digunakan secara konsisten sejak tahun 1971 lagi.

Hari ini dipersoalkan peratus pencapaian berbanding sasaran, dalam jangka masa yang ditetapkan untuk pelaksanaan. Ketidakpuasan bumiputera disebabkan pencapaian yang tidak menepati sasaran; kegelisahan bukan Bumiputera pula kerana pada persepsi mereka sebarang lanjutan masa memungkinkan mereka tidak mendapat kesaksamaan. Kini ramai yang terperangkap dalam polemik angka peratus pencapaian serta tempoh masa yang disasarkan hingga melupai falsafah dan matlamat sebenar DEB digubal. Perbahasan adalah berhubung cara dan kaedah, bukan lagi pada matlamat dan falsafah. Matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dari segi pengagihan peluang, pendapatan dan kekayaan secara saksama adalah lebih besar daripada aspek pegangan ekuiti. Kerajaan akan memberi fokus kepada usaha mengurangkan jurang pendapatan antara kaum. Keseimbangan yang benar-benar terjalin adalah prasyarat kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan.

**GAGASAN KEENAM:** Mengiktiraf peranan sektor swasta untuk menjana pertumbuhan ekonomi terutama dalam mencipta peluang baru ekonomi. Terkandung dalam RMK-9 akan hasrat kerajaan untuk sektor swasta berperanan

aktif menerajui pembangunan ekonomi. Selaras dengan dasar untuk memantapkan lagi perkongsian awam- swasta, kerajaan kini giat memperluaskan pelaksanaan projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Inisiatif pembiayaan swasta, diperkenalkan sebagai pendekatan baru untuk merangsang pelaburan swasta menerusi pembangunan prasarana dan utiliti serta penglibatan mereka membangunkan kawasan dan wilayah. Projek-projek yang telah dikenal pasti kerajaan bernilai RM20 bilion. Di samping itu, kerajaan turut memperuntukkan RM5 bilion berbentuk dana pemudah cara untuk merangsang pelaburan swasta bagi projek- projek yang dikenal pasti oleh sektor swasta. Projek-projek PFI dijangka turut membantu merangsang semula pertumbuhan industri binaan. Industri binaan memperlihatkan pemulihan dan dijangka berkembang 0.7 peratus dalam tahun 2006 dan 3.7 peratus dalam tahun 2007, berbanding penguncupan 1.6 peratus dalam tahun 2005. Pertumbuhan industri binaan bersama langkah-langkah memperkukuhkan para kontraktor, akan membawa manfaat besar kepada setiap peserta sektor binaan.

**GAGASAN KETUJUH:** Meningkatkan prestasi sektor awam terutama memperbaiki sistem penyampaian dan berperanan sebagai pemudah cara membantu peranan sektor swasta. Amatlah penting bagi negara mempunyai sektor awam yang cekap dengan sistem penyampaian yang efisien. Saya telah menyeru supaya sektor awam berfikir luar dari kotak. Saya turut menyeru supaya sektor awam melakukan perubahan dalam memenuhi peranannya sebagai pemudah cara membantu sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi. Teras kelima Misi Nasional menegaskan pentingnya diperkukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara. Kejayaan perancangan bergantung kepada keupayaan melaksana. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah prasyarat untuk menentukan tahap pencapaian serta secara langsung mempengaruhi daya saing dan produktiviti negara.

Jentera pelaksanaan, jentera pemantauan dan jentera penilaian yang lebih berkesan adalah satu kemestian. Undang-undang dan peraturan lapuk yang menghalang kemajuan dan melambatkan pembangunan akan dihapuskan. Institusi-institusi negara perlu dikukuhkan. Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) telah ditubuhkan bagi melaksanakan projek berimpak tinggi dan berskala besar. Penubuhan badan ini, akan membantu mempercepat pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi dan membantu usaha membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Badan Bertindak Pelaksanaan Negara kini sedang melaksanakan 20 projek berimpak tinggi.

Badan ini turut menyusun langkah membantu menangani masalah pengangguran di kalangan graduan. Jawatankuasa khusus mengenai graduan menganggur, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah dibentuk. Sehingga ini lebih 30,000 pekerjaan di sektor awam telah ditawarkan. Beberapa GLC dan badan korporat diminta mewujudkan berbagai jenis latihan kepada

graduan untuk kemudiannya dapat diserapkan oleh badan- badan tersebut atau mendapat pekerjaan di sektor swasta lain. Institut pengajian tinggi awam telah diarah melakukan penyesuaian terhadap kurikulum supaya lebih menepati keperluan pasaran, di samping menggalakkan rangkaian kerjasama rapat dengan industri.

Seruan dan usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, telah memperlihatkan perkembangan positif. Agensi barisan hadapan, antaranya Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah memperlihatkan kemajuan, memudahkan urusan rakyat mendapatkan perkhidmatan. Banyak juga agensi yang mula memperlihatkan pergerakan untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Segala piagam, misi, visi dan matlamat yang telah digubal perlulah kini diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

Masih banyak yang boleh dilakukan untuk memenuhi wawasan kerajaan pimpinan UMNO dari segi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat. Saya pernah menyebut tentang kehadiran 'Napoleon Kecil' dalam perkhidmatan awam. Masih terdengar rungutan akan kehadiran 'Napoleon Kecil' yang mengguna pakai undang-undang sendiri. Bilangan mereka walaupun kecil bukan sahaja boleh melambatkan pelaksanaan RMK-9 malah telah mencemarkan nama baik perkhidmatan awam. Apa juga bentuk halangan tidak boleh dibenarkan demi memastikan program pembangunan kerajaan dan pelaburan swasta terjamin lancar. Untuk itu kita tidak akan membenarkan wujudnya pulau-pulau kecil di bawah kuasa mana-mana Napoleon.

**GAGASAN KELAPAN:** Menangani rasuah dengan penekanan kepada pendekatan pencegahan di samping pendekatan punitif. Salah satu janji kita dalam pilihan raya ialah untuk meningkatkan integriti. Teras kelima Misi Nasional secara jelas menyatakan komitmen kerajaan menangani isu-isu berhubung rasuah dan usaha meningkatkan integriti sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum. Tanpa nilai integriti, negara tidak boleh dikatakan negara maju dalam erti kata sebenar.

Saya cecal mahu membanteras politik wang dan rasuah. Berulang kali saya ingatkan bahawa kita mesti menentang rasuah di segenap peringkat kerajaan. Namun Presiden Parti dan Perdana Menteri tidak dapat melaksanakan usaha ini secara berseorangan. Di dalam parti, saya telah meminta setiap seorang daripada saudara saudari membantu saya membanteras politik wang. Kita mahukan pemimpin kerana keupayaan mereka berkhidmat dan bukan keupayaan mereka membeli sokongan. Saudara saudari memiliki kuasa tersebut untuk memberi mesej yang jelas. Bantulah usaha saya untuk membersihkan parti dari amalan politik wang.

Dikatakan rasuah banyak berlaku, tetapi banyak yang merupakan tuduhan. Apabila diminta bukti, tidak dapat ditampikan. Proses menangkap dan prosedur

mendakwa tidak semudah yang diucapkan. Proses siasatan amatlah rumit. Proses membuktikan dan usaha mendapatkan saksi amatlah sulit. Tiada gunanya mendakwa bilangan yang ramai, jika kita tidak mempunyai bukti cukup untuk dapat mensabitkan yang didakwa. Bantulah saya memerangi rasuah dengan mengemukakan bukti.

Memerangi rasuah memerlukan komitmen semua pihak. Usaha memerangi rasuah tidak dapat mencapai kemenangan jika sekadar ditumpukan kepada aktiviti menangkap dan mendakwa. Masalah rasuah tidak berakhir dengan penangkapan jika benih baru masih dibenarkan tumbuh. Laksanakanlah dalam diri masing-masing, dengan kita sendiri tidak dipengaruhi oleh wang ringgit dalam membuat pertimbangan.

Kadangkala usaha memerangi rasuah begitu mengecewakan. Saya telah melahirkan harapan supaya mahkamah memutuskan kes-kes rasuah dengan segera, atas dasar ia melibatkan kepentingan awam. Ada tanggapan mengatakan saya memperlambatkan langkah menentang rasuah kerana tiada tangkapan yang dilakukan. Tiada tangkapan tidak bermakna saya tidak terus melakukan pemantauan. Ia memerlukan usaha berpanjangan - usaha berterusan. Aktiviti pendidikan dan aktiviti menyemai kesedaran akan ditingkatkan supaya prinsip integriti dihayati dan diamalkan dalam kehidupan harian masyarakat. Langkah-langkah pencegahan akan terus ditingkatkan dengan memperbaiki kecekapan sistem penyampaian dan perkhidmatan awam.

**GAGASAN KESEMBILAN:** Menguatkuasakan undang-undang secara tegas lagi telus terutama dalam menangani jenayah. Teras keempat Misi Nasional untuk meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup tidak akan tercapai sekiranya undang-undang yang ada untuk melindungi kehidupan warga mula dipinggirkan dan tidak lagi dihormati. Saya amat menghargai usaha bersungguh yang semakin diperlihatkan oleh pihak-pihak berkuasa yang terlibat terutama sekali Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia.

Kita tidak boleh membenarkan persepsi negara ini tidak selamat oleh sebab kerap berlakunya jenayah berat. Usaha lebih berkesan perlu diambil oleh Polis Diraja Malaysia. Kerajaan baru-baru ini telah membanyakkan lagi kereta peronda, membeli alat-alat baru dan menambah lagi pondok-pondok polis mudah alih, serta menggembeleng kerjasama dengan rakyat yang melibatkan Rukun Tetangga dan agensi-agensi di bawahnya. Polis Diraja sedang melaksanakan satu usaha jihad untuk membetulkan organisasi secara dalaman, begitu juga dalam melaksanakan tugas yang semakin kompleks. Bilangan anggota polis adalah tidak selaras dengan pertumbuhan penduduk terutama di bandar-bandar besar. Sempadan yang luas merumitkan kawalan kemasukan imigran. Kemakmuran ekonomi kita telah menjadi tarikan kepada imigran dari serata dunia. Kastam Diraja memperlihatkan ketegasan membanteras kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan hasil negara. Kutipan hasil sejak tiga tahun kebelakangan memperlihatkan peningkatan. Pegawai-pegawai di Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri gigih menguatkuasakan perkara-perkara yang melanggar tatasusila perdagangan berkaitan harta intelek, bekalan dan kawalan harga barangan dagangan, cetak rompak dan penyelewengan kepada subsidi kerajaan, terutamanya subsidi minyak.

Dalam pada itu, penguatkuasaan undang-undang berkaitan pencemaran, alam sekitar, pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan, undang-undang trafik dan lalu lintas, masih perlu diperbaiki dan ditingkatkan. Undang-undang mempunyai satu bahasa untuk semua warga. Tidak ada pengecualian penguatkuasaan. Undang-undang jangan sampai dipersendakan seolah-olah hanya boleh dikuatkuasakan kepada yang lemah dan yang tidak berkedudukan. Pemimpin-pemimpin UMNO sendiri hendaklah memperlihatkan sebaik contoh teladan mengamalkan budaya menghormati dan mematuhi undang-undang.

**GAGASAN KESEPULUH:** Menggalakkan penyertaan aktif warga muda dan emansipasi wanita yang lebih seimbang. Warga muda adalah aset dan sumber berharga negara yang akan mewarisi pimpinan untuk meneruskan hala tuju negara. Alhamdulillah, tatkala sebilangan besar negara maju menunjukkan populasi yang meningkat usia, Malaysia masih mempunyai peratusan besar penduduknya dari kalangan warga muda. Mereka harus dilibatkan secara aktif dari peringkat perancangan dan diberikan kepercayaan untuk sama-sama terlibat di peringkat pelaksanaan.

Saya menyambut baik cadangan Pemuda untuk menamakan bendera UMNO. Cadangan ini melambangkan penghayatan generasi muda terhadap asas dan sejarah perjuangan parti. Ini memberi keyakinan kepada saya bahawa pemimpin-pemimpin masa hadapan masih berpegang kepada idealisme penubuhan UMNO untuk terus menjadikan UMNO wadah untuk memartabatkan bangsa. Di perhimpunan ini, secara rasmi saya mengiktiraf cadangan menamakan bendera UMNO sebagai 'Sang Saka Bangsa'.

Bahawa separuh daripada penduduk negara adalah wanita. Kerajaan BN pimpinan UMNO berpegang teguh kepada keadilan untuk semua selaras dengan prinsip utama yang dianjurkan oleh Islam. Oleh itu kesaksamaan gender perlu dihormati. Wanita yang telah diberikan peluang telah membuktikan keupayaan mereka memenuhi tanggungjawab dengan cemerlang dan mengharumkan nama negara. Malaysia dikenali sebagai negara Islam yang begitu progresif menyediakan peluang dan memberikan pengiktirafan tinggi kepada wanita, baik dalam bidang urus tadbir, perniagaan, pendidikan, penguatkuasaan, perubatan, perbankan, kehakiman, dan pelbagai bidang lagi. Kerajaan turut prihatin terhadap keadaan wanita dari segi undang-undang dan bertekad untuk menyemak semula dan menyelaraskan undang-undang syariah keluarga untuk memastikan berlakunya keadilan. Semua ini menunjukkan perkembangan beransur yang dilakukan untuk tidak mendiskriminasikan kaum Hawa selaras dengan ajaran Islam itu sendiri. Rugilah bagi negara yang mengetepikan atau merendah-rendahkan peranan wanita.

**GAGASAN KESEBELAS:** Mempertahankan kedaulatan negara bangsa di peringkat antarabangsa. Malaysia adalah sebuah negara yang dikenali sentiasa gigih mempertahankan kepentingan nasional. Kita kekal bebas dalam dasar luar kita tanpa pernah tunduk kepada tekanan atau terpaksa meminta bantuan pihak lain. Kita amat berbangga dengan kebebasan ini. Ia membolehkan kita merancang hala tuju negara tanpa perlu mengkompromikan kepentingan kita.

Kita juga tidak membenarkan sesiapa mengambil kesempatan ke atas kita. Kepentingan kita akan dipertahankan dengan sebaik cara. Kita tidak sekali-kali akan mendedahkan Malaysia kepada keadaan yang kedudukan kita boleh dikompromikan atau tindakan undang-undang dikenakan terhadap kita. Setiap keputusan yang diambil adalah untuk melindungi kepentingan negara, tidak timbul soal berani ataupun takut. Setiap yang dilakukan ada akibatnya. Kita tidak akan meneruskan sesuatu, jika akibatnya boleh mengkompromikan kepentingan nasional.

Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), saya tidak boleh memimpin perkumpulan ini dengan kaedah berkonfrantasi. Kita perlu melaksanakan tugas secara berhikmah. Negara-negara Islam hendaklah merancang strategi secara bersama untuk meningkatkan kuasa tawar menawar kita. Kita harus mengutamakan perpaduan di kalangan dunia Islam dan membina keyakinan di kalangan kita. Hari ini, jika sebuah negara Islam diserang, umpamanya Lebanon baru-baru ini, kita berupaya mengenakan tekanan terhadap Barat untuk menghentikan pengeboman. Kita menyerlahkan perpaduan dan kesungguhan. Terdapat pihak yang mahukan tindakan lebih drastik seperti menggunakan minyak sebagai alat tawar menawar atau untuk negara Islam menjual dolar Amerika. Soalannya, berapakah bilangan negara Islam yang sedia bertindak sedemikian. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah pendudukan dan dominasi yang sedang berlaku di negara-negara Islam, konflik dalaman yang memisahkan umat Islam sesama sendiri, keganasan dan ekstremisme yang menggunakan nama Islam, serta jurang persefahaman yang semakin melebar antara dunia Islam dengan dunia Barat. Dunia Islam sedang melalui krisis yang teruk. Umat Islam bukan sahaja dibunuh oleh bukan Islam tetapi berbunuh sesama sendiri. Bumi mereka diduduki. Kehormatan, kedaulatan dan sumber utama ekonomi mereka diperkosa. Ada di antara mereka melakukan tindakan yang memberikan malu dan menjatuhkan kehormatan diri mereka dan Islam. Imej Islam di kanta dunia begitu buruk.

Kita ada tanggungjawab untuk mengeluarkan dunia Islam dari kegetiran ini, membantu proses pemulihan dunia Islam dengan harapan dapat mengembalikan zaman gemilangnya. Kita akan memainkan peranan setara dengan keupayaan kita membantu usaha negara-negara Islam untuk meningkatkan kebajikan ummah mereka. Langkah awal yang telah saya ambil sebagai Pengerusi OIC ialah memperkenalkan program yang memberikan imej ekonomi kepada OIC dengan melaksanakan program membina keupayaan ekonomi dan

melaksanakan pelan induk kewangan Islam. Program-program ini mampu menjadi pemangkin bagi negara-negara OIC yang mundur dari segi ekonominya. Kita mahukan penyelesaian yang adil kepada masalah Palestin. Penindasan dan kezaliman yang dilakukan kepada penduduk dan bumi Palestin merupakan punca kemarahan umat Islam di seluruh dunia. Kita mahu melihat bumi Iraq dan Afghanistan yang aman damai. Kita mahukan Iran dan setiap negara Islam diberikan kesaksamaan dan keadilan, dihormati hak dan kedaulatan mereka dan tidak menjadi mangsa kepada arahan dua nilai antara negara Islam dan bukan Islam.

**GAGASAN KEDUA BELAS:** Membina perpaduan nasional. Semangat bersatu dalam perjuangan dan semangat berkongsi kuasa, adalah tunjang kekuatan negara bangsa; bermula dari peringkat merintis perjuangan kemerdekaan sehinggalah kepada mengurus sebuah negara merdeka yang berjaya.

Akhir-akhir ini kita menyaksikan peningkatan polemik berhubung isu kaum dan agama. Ia telah sampai ke tahap yang mencetuskan kebimbangan. Beberapa faktor menjadi penyebab kepada polemik yang berlaku. Salah satu daripadanya adalah persekitaran lebih terbuka hari ini yang membolehkan berlakunya perbincangan sehingga terlajak ke peringkat melanggar sempadan isu-isu sensitif menyentuh agama dan kaum. Persekitaran lebih terbuka ini adalah baru kepada masyarakat Malaysia. Pengubahsuaian sedang dilakukan oleh pelbagai pihak dan ada juga yang sedang menguji batas sempadannya. Ada yang cenderung bersifat keterlaluan dan ini menjemput reaksi bantahan daripada pihak lain. Ini adalah satu proses pembelajaran untuk semua. Dalam pada itu amatlah penting dijamin bahawa kestabilan negara dapat dikekalkan sehingga masyarakat dapat mencapai tahap perimbangan.

Membincang perkara-perkara yang sensitif sifatnya perlulah dilakukan secara rasional, dengan dada lapang - fikiran tenang; dalam semangat bersama mengambil tanggungjawab, yang bengkok kita luruskan, yang jauh kita rapatkan, yang renggang kita cantumkan, yang kurang kita lengkapkan. Kerajaan Barisan Nasional telah mengamalkan formula untuk menyelesaikan masalah antara kita dengan semangat muafakat dan pendekatan sederhana selama ini. Sedarilah, persengketaan amat mudah dicetuskan, untuk begitu cepat menimbulkan salah faham. Tentulah itu bukan yang kita inginkan.

Kita hendaklah berpegang teguh kepada kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh setiap komuniti utama dan setiap negeri ketika kelahiran negara kita yang merdeka seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kontrak sosial yang telah kita rangka dan persetujui pada peringkat awal pembentukan sebuah negara merdeka adalah satu dokumen yang sangat berharga. Saya tidak dapat memikirkan mana-mana negara di dunia yang menghadapi situasi seperti kita, yang telah berjaya mencapai satu persefahaman yang dapat merangkumi aspirasi dan kecenderungan yang begitu pelbagai

dalam masyarakat. Kontrak sosial yang dipersetujui itu adalah satu pencapaian yang hebat.

Perjanjian yang diukir sedemikian teliti tersandar di atas perimbangan kepentingan yang kompleks lagi halus. Terlalu mudah untuk menjejaskan perimbangan ini dengan menyuarakan tuntutan yang melampau dan tidak munasabah, serta mempersoalkan perkara-perkara yang fundamental terhadap sesuatu komuniti. Jika perjanjian ini mahu dirombak, atau cuba dipertikaikan secara berterusan, kita sebenarnya menghadapi risiko menjejaskan kestabilan dan keharmonian. Kita tidak boleh membenarkan ini berlaku. Akibatnya adalah malapetaka. Saya sama sekali tidak akan membenarkan ini berlaku. Tidak ada pihak yang betul secara mutlak, tidak ada kebebasan tanpa kawalan. Jangan ada pihak yang mahu menguji ketegasan kerajaan dalam perkara ini. Jika keadaan memerlukan, kerajaan akan bertindak tegas menguatkuasakan undang-undang yang ada demi menjamin kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara tidak terjejas.

Perlembagaan negara secara jelas meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Islam adalah satu cara hidup yang relevan sepanjang masa, Sebagai umat Islam, kita mempercayainya tetapi dari segi realiti yang berlaku adalah di sebaliknya. Jika kita melihat keadaan di seluruh dunia hari ini, umat Islam adalah yang termiskin, kadar buta huruf di kalangan umat Islam adalah tinggi, mereka tertindas, mereka terheret dalam konflik. Berlaku anomali, satu kejanggalan antara ajaran Islam dengan realiti yang berlaku di kalangan ummah. Islam tidak harus dipersalahkan kerana kejanggalan ini.

Islam menganjurkan pembangunan, pembinaan tamadun, perkembangan intelek dan perkembangan ilmu bagi membina kesejagatan kemanusiaan berlandaskan prinsip-prinsip keadilan, kesederhanaan, toleransi dan saling menghormati supaya dunia dan manusia dapat hidup dalam rukun, aman, sejahtera dan makmur. Islam adalah agama sempurna yang diturunkan Allah s.w.t. kepada kita. Manusia dengan segala kekurangan dan kurang kefahaman telah mencemarkan kesucian dan kemurnian Islam. Ada kalanya kita gagal melihat wujudnya satu cara hidup yang lengkap di dalam Islam, mencakupi pembangunan spiritual, fizikal, mental dan material. Allah s.w.t. mencipta dunia dan akhirat. Kalau kita hanya menumpu kepada akhirat, kita akan mensia-siakan kewujudan kita di dunia ini. Sebaliknya, Allah s.w.t. mengingatkan bahawa pencapaian kita di alam fana ini tidak kurang pentingnya daripada apa yang kita cari dan sediakan untuk bekalan di alam baqa.

Saya telah memperkenalkan Islam Hadhari sebagai satu falsafah penting dalam pendekatan kita ke arah menjalani hidup sebagai umat Islam yang baik di Malaysia. Niat di sebalik Islam Hadhari ialah untuk mengingatkan kita bahawa agama Islam yang sempurna ini mengajar kita lebih daripada hukum-hakam dan larangan. Dalam ayat Quran dan sunah nabi, kita diajar dan dibimbing untuk memanfaatkan hidup tanpa membeza-bezakan zaman sama seperti umat pada

zaman Rasulullah mendapati ajaran Islam memberi petunjuk untuk membebaskan mereka daripada jahiliah dan memberi dorongan kuat untuk mereka berjaya.

Islam Hadhari adalah satu pendekatan atau manhaj. Ia adalah satu falsafah yang mengingatkan umat Islam bahawa pegangan kita menuntut kita mencapai kejayaan dunia. Kita sebenarnya mengkhianati Islam jika memilih untuk menolak kemajuan, taksud dengan konflik dan hidup dalam kejahilan. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menyerlahkan keindahan dan kesempurnaan Islam dengan mencipta tamadun yang dihormati dan bukan sesuatu yang dilihat dengan hina dan curiga.

Malangnya, sesetengah golongan menyalahertikan Islam Hadhari sebagai satu alasan untuk menjadi lebih konservatif atau lebih radikal. Budaya yang kita amalkan selama bertahun-tahun kini ditakrif sebagai haram, seperti mengucapkan selamat kepada warga Malaysia yang berlainan agama sempena hari perayaan mereka. Apakah kita sudah sampai ke tahap tidak toleran seperti ini? Rumah terbuka yang dikongsi antara kaum turut dikutuk. Bilakah kita menjadi ultrakonservatif? Ini bukan Islam Hadhari. Sikap ini mengancam toleransi unik yang dikenali di kalangan umat Islam Malaysia. Kita tidak harus membiarkan ini berlaku. Kita tidak menjadi lebih Islam dengan tidak mengucapkan selamat kepada seorang yang bukan Muslim pada musim perayaan mereka, sama seperti ia tidak menggoncang iman saya dengan menghadiri rumah terbuka Deepavali atau Krismas.

Golongan yang sama inilah yang juga melontarkan ancaman palsu untuk mengapi-apikan umat Islam dengan niat mereka akan menjadi tidak toleran terhadap orang lain. Agenda mereka ialah untuk melihat Malaysia berpecah belah serta gagal sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama. Islam bukan bermaksud seperti itu. Contohnya, banyak khidmat pesanan ringkas (SMS) yang bertukar tangan mengenai pembaptisan umat Islam secara beramai-ramai dan penubuhan Persatuan Kristian Melayu. Malah, ada juga yang mendakwa memiliki bukti kononnya beribu-ribu orang Melayu telah murtad tanpa mempunyai bukti yang sah.

Hasutan seperti ini membuat ramai orang Melayu menjadi ghairah. Disebabkan kita tidak mempunyai budaya untuk menyelidiki kesahihan khabar seperti itu sebelum mempercayainya, ramai yang berasa marah, malah menjadi militan. Sebaliknya, apabila dibuktikan tidak benar, mereka yang mencipta ancaman palsu ini langsung tidak kelihatan, apatah lagi untuk membantu meredakan kembali keadaan.

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak

diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan (Al-Hujuraat: ayat 6)

Saya ingin jelaskan, Islam Hadhari bukanlah cek kosong untuk menghidupkan semula pendekatan konservatif. Islam Hadhari bukan juga cek kosong untuk kita membenarkan cara hidup yang terlalu bebas dan permisif. Sambil saya memelihara kesucian Islam dan fungsi Mahkamah Syariah daripada sebarang cubaan untuk merendah-rendahkannya, saya juga mahu memastikan tiada ikhtiar untuk merampas Islam di Malaysia untuk menyuburkan sikap kebencian dan tidak toleran. Malaysia adalah sebuah negara yang menggalakkan kerjasama dan dialog. Kita tidak pernah menjadi tempat konflik dan syak wasangka. Saya akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kumpulan, sama ada Islam atau bukan Islam, yang cuba melampaui garis perimbangan yang halus ini dengan mempersoalkan status Islam atau dengan menghasut orang ramai berdasarkan dakwaan palsu dan ancaman yang direka-cipta. Islam Hadhari tidak mewujudkan ancaman sedemikian. Ia tidak menghasut umat Islam memusuhi mana-mana kumpulan. Sebaliknya, ia menghuraikan prinsip-prinsip kita dengan holistik untuk pembangunan menyeluruh masyarakat Islam.

Dua belas gagasan yang saya gariskan tiga tahun lalu, telah dijadikan pedoman ketika menggubal Misi Nasional dan RMK-9. Wawasan utama untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tidak diubah. Matlamat yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru untuk membina warga yang bersatu padu melalui penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan tetap dipertahankan. Jika ada yang dikatakan berubah adalah cara dan kaedah pelaksanaan untuk disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa.

Malaysia di hari semalam, di era DEB diperkenalkan, ketika Wawasan 2020 dilancarkan berbeza dengan Malaysia di era ledakan teknologi maklumat. Kini ekonomi dunia lebih terbuka, negara tanpa sempadan adalah satu kenyataan, proses liberalisasi dan globalisasi terus melanda ekonomi dunia, persaingan peringkat antarabangsa menjadi lebih sengit; pelaksanaan dan pencapaian agenda sosial negara menjadi lebih sukar dan mencabar.

Para rasul dan nabi diturunkan di era yang berbeza bagi menghadapi situasi yang berbeza, namun setiap mereka berpegang kepada prinsip ketauhidan yang sama. Manusia juga diciptakan berbeza-beza. Malah yang dilahirkan kembar, sekalipun memiliki paras fizikal yang serupa semasa kelahiran, semakin mereka dewasa, rupa mereka semakin berbeza. Malah ruang ibu jari yang begitu kecil, dijadikan Allah belum ada yang sama di antara sedemikian ramai manusia; apatah lagi perkara-perkara berkaitan fikiran, hati dan emosi. Demikian pula logiknya dengan kaedah mentadbir dan mengurus negara. Perbezaan kaedah akan berlaku berasaskan keadaan semasa; ia adalah sesuatu yang normal. Janganlah kita bertelagah kerana kita berlainan cara dan berbeza gaya. Jangan

sumber, tenaga, masa dan fikiran kita bazirkan dengan melakukan perkara-perkara yang destruktif yang merugikan semua pihak.

Amatlah rugi kepada negara bangsa jika kita terlalu taksib untuk berselisih. Bangsa perlu satu kekuatan sejati. Orang Melayu begitu juga warga Malaysia keseluruhannya telah berada di pelantar yang lebih tinggi dari dahulu. Kita harus yakin dengan kapasiti untuk mencapai dan mencipta kejayaan baru. Tumpukanlah fikiran kita meningkatkan ukhuwah, tujukanlah tenaga kita untuk membina kekuatan bangsa. Dunia adalah terlalu kecil untuk dijadikan pentas bertelagah dan jangka hayat adalah terlalu singkat untuk kita mahu bersengketa. Dunia adalah pentas kehidupan ciptaan Illahi, manusia adalah pembawa watak menentukan lakonan hidup di pentas dunia. Lakonlah babak yang mencernakan semangat ukhuwah di pentas dunia, supaya dunia menjadi lebih aman, damai dan sejahtera; laksanakan kebaikan sebagai tanda terima kasih kepada Allah yang Maha Mencipta.

Bangsa kita terlalu kecil untuk kita berpecah. Negara kita terlalu kecil untuk kita berpisah. Islam menyeru kita mengamalkan ukhuwah, penyatuan, perpaduan, toleransi dan kesederhanaan. Hayat yang ada perlu kita gunakan untuk meninggalkan warisan sejarah yang dapat membawa kesejahteraan negara bangsa. Bersamalah kita bertekad menumpukan fikiran dan tenaga untuk menjayakan RMK-9. Bersamalah kita menepis segala gangguan yang boleh menjejaskan tumpuan kita untuk mencapai Misi Nasional.

Pemimpin adalah insan biasa. Insan biasa tidak sempurna sifatnya. Insan biasa dijadikan Tuhan dengan segala kelemahan agar insan itu senantiasa insaf tarafnya sebagai makhluk. Insan biasa tidak maksum, kerana itu ia harus terus beristighfar memohon kemaafan Illahi, membetulkan diri sepanjang hayat. Teguran dan kritikan adalah sesuatu yang sihat untuk insan dapat cepat melakukan pembaikan. Lakukanlah teguran dan kritikan secara ikhlas - secara jujur; secara konstruktif - secara rasional untuk kebaikan kita bersama supaya langkah dan perbuatan menegur itu menjadi satu amal – satu jariah yang membawa kepada kebaikan. Teguran yang ikhlas lagi jujur dilakukan dengan tujuan untuk membantu yang ditegur supaya ia dapat melakukan sesuatu yang lebih baik, bukan untuk menjatuhkannya, bukan untuk memberi aib, bukan untuk menabur fitnah. Hukum Allah amatlah berat menimpa kepada mereka yang tidak berniat baik. Bahawa doa memohon keadilan daripada orang yang dizalimi kerana fitnah tidak ada dindingnya untuk dimakbulkan Allah.

Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada Allah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang salih pula diangkat-Nya naik (sebagai amal yang makbul – yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya). Dan sebaliknya, orang-orang yang merancang kejahatan (untuk mendapat kemuliaan), adalah bagi mereka

azab seksa yang berat, dan rancangan jahat mereka (kalau berkesan pun) akan rosak binasa. (Faatir: ayat 10)

Sepanjang tiga tahun diamanahkan memimpin parti – memimpin negara, saya berterima kasih kepada sokongan rakyat, sokongan ahli-ahli parti, sokongan rakan-rakan dalam BNI, sokongan kakitangan kerajaan dan sektor swasta untuk membolehkan saya memenuhi amanah. Saya amat menghargai sokongan tersebut terutama daripada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Presiden Parti dan Timbalan Perdana Menteri serta barisan Majlis Tertinggi dan rakan-rakan jemaah menteri.

Pada pagi 9 November 2006, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dimasukkan ke Institut Jantung Negara untuk mendapat rawatan. Marilah kita sama-sama memohon doa ke hadrat Ilahi semoga Dr. Mahathir, segera pulih kesihatannya. Kita juga mendoakan semoga Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan ahli-ahli keluarga beliau diberikan ketenangan dan kekuatan membantu proses rawatan beliau. Kerajaan bertanggungjawab memberikan segala kemudahan dalam proses rawatan negarawan kita itu.

Pada pagi 23 April 2006, negara dilindungi mendung sebaik mendapat berita kembalinya ke Rahmatullah Tun Abdul Ghafar Baba. Telah padamlah satu kandil negara, yang sepanjang hayatnya menyalakan cahaya untuk negara bangsanya. Seorang tokoh UMNO yang kesetiaannya kepada parti tidak pernah tergoncang di masa susah, tidak tergoyang di masa senang. Abdul Ghafar (Allahyarham) adalah tokoh ternama dan ulung. Jasa Abdul Ghafar kepada parti, kepada negara, kepada bangsa amatlah besar. Sebagai penghormatan kepada jasa bakti tersebut, kerajaan memutuskan untuk mewujudkan kerusi pengajian yang diabadikan atas nama Tun Abdul Ghafar Baba dan ditempatkan di 'alma mater' Allahyarham, di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sebuah yayasan akan ditubuhkan atas nama beliau.

Marilah sama-sama kita menghadiahkan bacaan Surah Fatihah untuk dihadiahkan ganjarannya kepada roh-roh Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn, Allahyarham Tun Dr. Ismail, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba dan kepada seluruh barisan pejuang dan pemimpin kita yang telah kembali ke Rahmatullah.

Semoga perhimpunan agung kita kali ini mendapat petunjuk dan keredhaan Ilahi.

***BERSATU! BERSETIA! BERKHIDMAT.HIDUP UMNO! HIDUP MELAYU!***

Sumber: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)